



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PENYERAHAN PROJEK PEMBAIKAN CERUN DI LALUAN FT185, SEKSYEN 61.00, JALAN LOJING – GUA MUSANG, DAERAH GUA MUSANG, KELANTAN

GUA MUSANG, KELANTAN – Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia hari ini menyempurnakan penyerahan Projek Pembaikan Cerun, Membina Perangkap *Debris Flow* dan Pembinaan Saliran di Laluan FT185 Seksyen 61, Jalan Simpang Pulai – Gua Musang, Kelantan.

2. Projek bernilai RM10.4juta ini dilaksanakan bagi meningkatkan tahap keselamatan pengguna jalan raya, mengurangkan risiko kejadian aliran puing berulang serta memperkukuh daya tahan infrastruktur jalan Persekutuan di kawasan berisiko tinggi.

3. Majlis penyerahan projek disempurnakan oleh YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya sebagai tanda komitmen Kerajaan dalam memastikan laluan strategik yang menghubungkan komuniti, aktiviti ekonomi, logistik dan pelancongan ini terus selamat, berfungsi dan memberi manfaat kepada rakyat.

4. Pelaksanaan Sabo Dam di lokasi ini turut mencatat pencapaian penting apabila menjadi Sabo Dam keempat di Semenanjung Malaysia selepas Raub, Pahang; Seremban, Negeri Sembilan dan Baling, Kedah.

5. Projek ini telah dilaksanakan oleh Pintas Utama Sdn. Bhd. melalui kaedah Arahan Kerja (AK). Kerja bermula pada 18 Jun 2025 dan siap sepenuhnya pada 14 Julai 2026 dengan tempoh pembinaan selama 13 bulan. Dengan siapnya projek ini, KKR berharap tahap keselamatan, keyakinan pengguna dan kebolehlaluan di Laluan FT185 Jalan Simpang Pulai – Gua Musang dapat terus dipertingkatkan demi manfaat rakyat

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

🌐 WWW.KKR.GOV.MY ✉ PRO@KKR.GOV.MY 📌 KEMENTERIAN KERJA RAYA 📷 [KKR_MALAYSIA](https://www.instagram.com/KKR_MALAYSIA) 📺 @MOWORKS 📺 KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur

dan ekonomi setempat.

6. Secara prinsipnya, KKR dan JKR Malaysia sentiasa komited dalam melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan cerun. Usaha ini mencerminkan keprihatinan dan komitmen Kerajaan MADANI serta iltizam JKR untuk terus memperkukuh kualiti infrastruktur jalan raya, termasuk aspek penyenggaraan cerun, demi menjamin keselamatan dan meningkatkan keselesaan pengguna jalan raya.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

16 JULAI 2026

#KearahKesejahteraanRakyat

#JasaKepadaRakyat

#MYJALAN

#TangkasBertindak

#KerajaanMADANI

#MADAN Ibekerja